

THE PRACTICE OF THE QURAN MEMORIZATION TECHNIQUES BASED ON GENDER AND MEMORY TYPES: A STUDY IN MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS) ALAM IMPIAN

PENGAMALAN TEKNIK HAFAZAN AL-QURAN BERDASARKAN GENDER DAN JENIS MEMORI: KAJIAN DI MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS) ALAM IMPIAN

Fakhrur Ridza Muslimⁱ, Mohd Amzari Tumiranⁱⁱ & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidinⁱⁱⁱ

- ⁱ Calon Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. fakhrur.ridza8@gmail.com
- ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. amzari92@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak. mohdz560@uitm.edu.my

Received: 15 November 2023

Article Progress
Revised: 20 February 2024

Accepted: 25 June 2024

Abstract	<p><i>Quran memorization is the process of reciting the Quran consistently and in phases; thereby, the Quran can be remembered and recited without a glance at the mushaf. Various techniques are expected to assist the tahfiz students in the memorization process. However, the practice of Quran memorization techniques needs to be researched based on the gender category of the tahfiz students. This study focuses on identifying and evaluating the level of practice of Quran memorization techniques based on gender and memory types among tahfiz students at Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian. This survey was conducted at MITS Alam Impian. Tahfiz students at MITS Alam Impian (n=192) in form one to form four were involved as respondents. Simple random sampling techniques and the theory of Krejcie & Morgan (1970) were used as the basis for sampling and sample size determination. Data is collected using a questionnaire and analyzed using IBM SPSS Statistics computer software. The finding suggests that male tahfiz students tend to use the technique of "memorizing by choosing the convenient time (E9)" (85.3 percent, n=81). Meanwhile, female tahfiz students are suggested to be more likely to practice the technique of "repeating with and without a glance at the verse (V2)" (94.8 percent, n=92). In conclusion, this study suggests that the practice of memorizing the Quran in episodic memory is more inclined toward male tahfiz students, and visual memory for female tahfiz students. The study suggests that an experimental approach to investigate the factors and effects relationship between academic learning techniques and Quran memorization techniques is to be used as a recommendation for future studies.</i></p> <p>Keywords: <i>Gender, Memory, Memorization, Technique, Al-Quran.</i></p>
Abstrak	<p><i>Hafazan al-Quran merupakan suatu proses pembacaan al-Quran secara konsisten dan berperingkat sehingga al-Quran mampu diingati dan dibaca tanpa melihat kepada mushaf. Terdapat pelbagai teknik yang dijangka dapat</i></p>

	<p>membantu murid tahfiz dalam proses hafazan. Walau bagaimanapun, pengamalan teknik hafazan al-Quran perlu dikaji berdasarkan kategori gender murid tahfiz tersebut. Kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti dan menilai tahap pengamalan teknik hafazan al-Quran berdasarkan gender dan jenis memori murid tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian. Kajian tinjauan ini dijalankan di MITS Alam Impian. Murid tahfiz di MITS Alam Impian (n=192) di tingkatan satu hingga empat terlibat sebagai responden. Teknik pensampelan rawak mudah dan teori Krejcie & Morgan (1970) digunakan sebagai asas pensampelan dan penentuan saiz sampel. Data dikumpul menggunakan set soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer IBM SPSS Statistics. Hasil kajian mencadangkan bahawa murid tahfiz kategori lelaki cenderung menggunakan teknik "menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (E9)" (85.3 peratus, n=81). Manakala murid tahfiz kategori perempuan pula dicadangkan lebih cenderung mengamalkan teknik "mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (V2)" (94.8 peratus, n=92). Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan pengamalan teknik hafazan al-Quran secara memori episodik lebih cenderung kepada murid tahfiz kategori lelaki, dan memori visual bagi murid tahfiz kategori perempuan. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan eksperimental dalam menyelidik hubungan faktor dan kesan antara teknik pembelajaran akademik dan teknik hafazan al-Quran digunakan sebagai pengesyoran bagi kajian masa hadapan.</p> <p>Kata Kunci: Gender, Memori, Teknik, Hafazan, Al-Quran.</p>
--	---

PENDAHULUAN

Hafazan al-Quran merupakan suatu proses pembacaan al-Quran secara konsisten dan berperingkat sehingga al-Quran mampu diingati dan dibaca tanpa melihat kepada mushaf. Al-Quran, sebuah kitab suci bagi masyarakat muslim, merupakan antara mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW. Konsep hafazan al-Quran dapat difahami menerusi proses penyampaian al-Quran secara beransur-ansur kepada Rasulullah SAW. Proses penyampaian al-Quran ini berlaku menerusi empat (4) keadaan yang utama (Munjin, 2019): (a) disampaikan oleh Jibrail AS yang hadir dalam keadaan ghaib; (b) disampaikan oleh Jibrail AS yang hadir dengan menyerupai individu lelaki; (c) disampaikan oleh Jibrail AS yang hadir dengan rupanya yang sebenar; dan (d) diturunkan kepada Rasulullah SAW selepas baginda seolah-olah mendengar bunyi loceng yang nyaring.

Proses penyampaian al-Quran oleh Jibrail AS kepada Rasulullah SAW berlaku lazimnya dengan cara pembacaan kepada ayat-ayatnya. Pembacaan al-Quran tersebut diajarkan Jibrail AS kepada Rasulullah SAW secara *talaqqi*. *Talaqqi* merupakan kaedah mempelajari pembacaan al-Quran dengan mengikuti gaya bacaan guru (Ismail et al., 2019). Proses pembacaan al-Quran tersebut lazimnya berlaku secara berperingkat bagi memudahkan Rasulullah SAW menghafaznya (Mohd Nawawi et al., 2021). Proses tersebut menjadikan hafazan Rasulullah SAW sentiasa kompeten dan konsisten. Beberapa ayat al-Quran menjelaskan keadaan tersebut:

﴿لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ . إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ﴾

Maksudnya: "Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu)". (al-Quran. al-Qiyamah: 16-17).

﴿سَنُقَرِّئُكَ فَلَا تَنْسَى﴾

Maksudnya: “Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa”. (al-Quran. al-A’la: 6)

Selain itu, hafazan dipraktis oleh para sahabat Rasulullah SAW sebagai suatu proses pemeliharaan al-Quran daripada unsur penyelewengan dan pemalsuan (Daud & Musa, 2021). Meskipun usaha penyelewengan dan pemalsuan terhadap al-Quran sentiasa berlaku, Allah SWT memberi jaminan bahawa al-Quran ini sentiasa terpelihara kesuciannya. Beberapa ayat al-Quran menjelaskan keadaan ini:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*”. (al-Quran. al-Hijr: 9)

﴿قُلْ لَّيِّنَ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri*”. (al-Quran. al-Isra': 88)

Dalam usaha untuk memelihara kesucian al-Quran, murid tahfiz lazimnya mempunyai kemahiran membaca al-Quran dengan tartil (Mohd Fakhruddin et al., 2020). Kemahiran tersebut dijangka dapat membantu murid tahfiz dalam mengingati bacaan mereka untuk tempoh yang panjang. Membaca al-Quran dengan tartil sangat dianjurkan:

﴿...وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا﴾

Maksudnya: “... dan bacalah Al-Quran dengan Tartil”. (al-Quran. al-Muzammil: 4)

Beberapa kajian telah dijalankan di institusi tahfiz tempatan dan mengemukakan dapatan mengenai pencapaian hafazan al-Quran. Hussin et al. (2021) mencadangkan, 70 peratus daripada kumpulan sampel yang ditemu duga bagi kemasukan ke bidang Tahfiz dan Qiraat di institut pengajian tinggi tempatan; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mendakwa tidak dapat mengingati semula hafazan mereka ketika di peringkat pendidikan menengah. Hashim & Jemali (2014) pula mencadangkan peratusan pencapaian hafazan al-Quran murid perempuan lebih tinggi berbanding murid lelaki di Darul Quran JAKIM. Kajian-kajian tersebut menggambarkan senario umum pencapaian hafazan di Malaysia.

Dalam proses hafazan, terdapat pelbagai teknik yang dijangka dapat membantu murid tahfiz (Sulaiman & Kassim, 2018). Walau bagaimanapun, pengamalan teknik hafazan al-Quran perlu dikaji berdasarkan kategori gender murid tahfiz tersebut. Keadaan ini berlaku kerana terdapat perbezaan dalam pengamalan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan gender (Ahmad Pital & Mat Teh, 2018). Bahasa Arab menjadi bahasa yang wajib digunakan dalam ibadat harian masyarakat muslim. Kewajipan ini adalah berasaskan kepada bahasa al-Quran yang diwahyukan dalam bahasa Arab (Nasier, 2018). Selain itu, Sulaiman & Kassim (2018) mencadangkan supaya persediaan dan peruntukan masa untuk hafazan oleh murid tahfiz juga dikaji. Hashim (2015) pula mendapati terdapat perbezaan gender dalam pencapaian hafazan al-Quran dan mencadangkan suatu kajian yang dapat memformulasi strategi menghafaz mengikut gender murid.

Kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti dan menilai tahap pengamalan teknik hafazan al-Quran berdasarkan gender dan jenis memori murid tahfiz di Maahad Integrasi

Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian. Kajian ini dijangka dapat mengemukakan tiga (3) signifikan kajian: (a) membantu kumpulan tenaga pengajar dalam mengenal pasti teknik hafazan al-Quran yang sesuai dan efektif mengikut gender; (b) membantu murid tahfiz dalam menentukan kecenderungan memori berdasarkan gender; dan (c) penemuan kajian ini dapat memberikan input kepada pihak pengelola pendidikan tahfiz untuk menambah baik kaedah pemilihan murid untuk aliran tahfiz pada masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

Secara asasnya, hafazan al-Quran merupakan manifestasi kepada suatu proses pembelajaran. Konteks tersebut menjadi landasan teori awal kepada kajian ini berdasarkan dapatan perbezaan gender dalam pencapaian akademik, disebabkan oleh pengamalan teknik pembelajaran yang juga berbeza. Secara umum, pencapaian akademik lazimnya didapati lebih baik dalam kalangan murid perempuan berbanding lelaki (Azman & Mohd Yusoff, 2018). Perbezaan ini menunjukkan pengamalan teknik pembelajaran yang bersesuaian mengikut gender dijangka dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademik (Mohamed Jafer Sadiq & Hassan, 2021). Berdasarkan landasan teori tersebut, kajian teknik hafazan al-Quran berdasarkan perbezaan gender juga dianggap signifikan untuk dijalankan.

Dalam aspek pencapaian hafazan al-Quran, secara umumnya pencapaian murid tahfiz kategori perempuan lazimnya didapati lebih tinggi berbanding lelaki (Che Mat et al., 2020). Dapatan yang sama juga dicadangkan berlaku di Darul Quran JAKIM (Hashim et al., 2014). Beberapa kajian lain pula mencadangkan terdapat murid tahfiz yang tidak dapat menyempurnakan hafazan mereka dalam tempoh pengajian masing-masing. Antaranya kajian Yahaya et al. (2017) dan Mastor Mustafa et al. (2020) yang masing-masing mencadangkan hampir separuh murid tahfiz Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah al-Hikmah tidak dapat menamatkan hafazan dalam tempoh lima tahun pengajian mereka.

Sementara itu, Abdullah et al. (2021) mencadangkan antara teknik utama yang diamalkan oleh murid tahfiz di Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang adalah dengan memahami maksud ayat yang dihafaz serta menulisnya semula berdasarkan pengulangan hafazan yang telah disemak oleh guru (*tasmi'*). Dalam konteks teknik hafazan rasmi pula, Sulaiman & Kassim (2018) mencadangkan murid tahfiz kategori perempuan lebih menguasai teknik Neuro Nadi dan teknik Jibrail berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, murid tahfiz kategori lelaki didapati lebih menguasai teknik Ulul Albab berbanding perempuan.

Kesimpulan daripada ulasan kajian-kajian tersebut (Hashim et al., 2014; Yahaya et al., 2017; Azman & Mohd Yusoff, 2018; Sulaiman & Kassim, 2018; Che Mat et al., 2020; Mastor Mustafa et al., 2020; Abdullah et al., 2021; Mohamed Jafer Sadiq & Hassan, 2021), dicadangkan bahawa wujud ketidakseimbangan pencapaian hafazan al-Quran antara gender berbeza yang direkodkan. Ketidakseimbangan ini dijangka berpunca daripada pengamalan teknik hafazan yang tidak sesuai dengan kategori gender murid yang berbeza (Wan Kamarudin et al., 2020). Kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti dan menilai tahap pengamalan teknik hafazan al-Quran berdasarkan gender murid di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dijalankan di MITS Alam Impian. Murid tahfiz di MITS Alam Impian ($n=192$) di tingkatan satu hingga empat terlibat sebagai responden. Teknik pensampelan rawak mudah dan teori Krejcie & Morgan (1970) digunakan sebagai asas pensampelan dan penentuan saiz sampel. Data dikumpul menggunakan set soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer IBM SPSS Statistics. Pembangunan kandungan set soal selidik menggunakan teknik hafazan al-Quran sebagai item yang dikenal pasti menerusi kajian rintis dan dikodkan mengikut jenis memori seperti berikut (Jadual 1):

Jadual 1: Pengekodan Teknik Hafazan al-Quran

No.	Kod	Teknik Hafazan
1.	E1	Menghafaz dengan mendengar bacaan rakan
2.	E2	Menghafaz dengan memulakan ayat paling akhir
3.	V1	Mengulang dengan mendengar rakaman bacaan sendiri
4.	S1	Membaca dengan mengingati jalan cerita
5.	S2	Membaca dengan memahami maksud ayat
6.	S3	Membaca dengan memahami asbab nuzul
7.	S4	Membaca dengan memahami pengajaran ayat
8.	E3	Menghafaz dengan menanda ayat yang dibaca
9.	E4	Menghafaz dengan mengingati kata kunci
10.	V2	Mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat
11.	V3	Mengulang dengan membayangkan ayat
12.	E5	Menghafaz tanpa suara
13.	V4	Mengulang dengan menulis semula ayat
14.	V5	Mengulang sambil disemak guru (<i>tasmi'</i>)
15.	V6	Mengulang dalam kumpulan kecil
16.	V7	Mengulang dalam kumpulan besar (<i>muraja'ah</i>)
17.	E6	Menghafaz dengan suara kuat selepas mendengar bacaan qari'
18.	E7	Menghafaz tanpa suara selepas mendengar bacaan qari'
19.	E8	Menghafaz dengan menyambung ayat
20.	V8	Mengulang secara berlagu
21.	V9	Mengulang dengan meniru gaya bacaan qari'
22.	V10	Mengulang dengan mengenal pasti ayat serupa
23.	E9	Menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai
24.	V11	Mengulang bacaan secara bersendirian

Dalam set soal selidik ini, responden memilih jawapan mereka menerusi skala Likert 1 hingga 5 berdasarkan frekuensi pengamalan teknik hafazan yang disenaraikan; "tidak pernah (1)", "sangat jarang (2)", "kadang-kadang (3)", "kerap (4)" dan "sangat kerap (5)". Dalam proses organisasi data, data daripada skala 1 hingga 3 dijadikan kategori khusus "tidak mengamalkan", manakala data daripada skala 4 hingga 5 dijadikan kategori "mengamalkan". Kajian rintis dijalankan dengan melibatkan kumpulan murid tahfiz ($n=30$) dengan menggunakan teknik penentuan saiz sampel Johanson & Brooks (2010) di Maahad Tahfiz An-Nabawi, Shah Alam, Selangor. Tahap kebolehpercayaan item-item dalam set soal selidik ini dinilai menerusi ujian Alpha Cronbach dan mencatat nilai kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha=0.796$) (Bryman & Cramer, 2012).

Namun begitu, beberapa limitasi kajian dapat dikenal pasti menerusi metodologi yang digunakan. Antaranya ialah populasi di lokasi terpilih merupakan institusi tahfiz di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan dapatan kajian dijangka tidak sesuai digeneralisasikan ke institusi tahfiz di negeri lain yang menggunakan kurikulum berbeza. Kajian ini juga hanya melibatkan responden dalam kalangan murid tingkatan satu hingga empat, tanpa melibatkan murid tingkatan lima kerana terdapat kekangan etika dan praktikal. Kekangan etika dan praktikal berlaku apabila pihak pentadbir sekolah mengecualikan murid tingkatan lima daripada diambil maklum balas tinjauan kerana mempunyai jadual yang padat untuk persediaan peperiksaan penting. Selain itu, set soal selidik menggunakan versi bercetak berbanding versi dalam talian kerana kekangan akses internet dan peranti dalam kalangan murid.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis statistik deskriptif (Jadual 2), dicadangkan kesemua teknik hafazan al-Quran yang dikenal pasti merekodkan kepelbagaian tahap pengamalan mengikut kategori gender murid. Namun begitu, teknik “menghafaz dengan memulakan ayat paling akhir (E2)” dan “menghafaz tanpa suara selepas mendengar bacaan qari’ (E7)” tidak merekod sebarang tahap pengamalan bagi kategori lelaki. Berdasarkan perincian peratus dan frekuensi tertinggi pengamalan teknik hafazan al-Quran, dicadangkan teknik hafazan yang berkaitan memori visual adalah paling kerap digunakan oleh kedua-dua kategori gender, diikuti memori episodik dan memori semantik (Jadual 3).

Frekuensi pengamalan teknik hafazan al-Quran yang melebihi separuh (>50 peratus) daripada jumlah sampel bagi setiap kategori gender dianggap sebagai mempunyai tahap frekuensi pengamalan yang tinggi. Bagi perincian kumpulan sampel murid tahfiz kategori lelaki ($n=95$), terdapat lima (5) teknik hafazan yang mencatatkan frekuensi pengamalan tersebut (Jadual 3): (a) menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (E9) (85.3 peratus, $n=81$); (b) mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (V2) (82.1 peratus, $n=78$); (c) mengulang bacaan secara bersendirian (V11) (82.1 peratus, $n=78$); (d) mengulang dengan membayangkan ayat (V3) (69.5 peratus, $n=66$); dan (e) mengulang sambil disemak guru (*tasmi'*) (V5) (58.9 peratus, $n=56$).

Bagi perincian kumpulan sampel murid tahfiz kategori perempuan ($n=97$), terdapat lapan (8) teknik hafazan yang mencatatkan frekuensi pengamalan tersebut (Jadual 3): (a) mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (V2) (94.8 peratus, $n=92$); (b) mengulang dengan membayangkan ayat (V3) (87.6 peratus, $n=85$); (c) mengulang bacaan secara bersendirian (V11) (86.6 peratus, $n=84$); (d) menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (E9) (80.4 peratus, $n=78$); (e) membaca dengan memahami maksud ayat (S2) (71.1 peratus, $n=69$); (f) mengulang sambil disemak guru (*tasmi'*) (V5) (71.1 peratus, $n=69$); (g) menghafaz dengan mengingati kata kunci (E4) (62.9 peratus, $n=61$); dan (h) menghafaz dengan menanda ayat yang dibaca (E3) (54.4 peratus, $n=44$).

Jadual 2: Peratus dan Frekuensi Keseluruhan Pengamalan Teknik Hafazan al-Quran Berdasarkan Gender Murid (Lelaki, $n=95$; dan Perempuan, $n=97$)

No.	Kod	Peratus dan Frekuensi (n)			
		Lelaki		Perempuan	
		Tidak Mengamalkan	Mengamalkan	Tidak Mengamalkan	Mengamalkan
1.	E1	90.5 (86)	9.5 (9)	86.6 (84)	13.4 (13)
2.	E2	100 (95)	-	99.0 (96)	1.0 (1)
3.	V1	97.9 (93)	2.1 (2)	93.8 (91)	6.2 (6)
4.	S1	72.6 (69)	27.4 (26)	52.6 (51)	47.4 (46)
5.	S2	51.6 (49)	48.4 (46)	28.9 (28)	71.1 (69)
6.	S3	90.5 (86)	9.5 (9)	79.4 (77)	20.6 (20)
7.	S4	83.2 (79)	16.8 (16)	63.9 (62)	36.1 (35)
8.	E3	77.9 (74)	22.1 (21)	54.6 (53)	54.4 (44)
9.	E4	50.5 (48)	49.5 (47)	37.1 (36)	62.9 (61)
10.	V2	17.9 (17)	82.1 (78)	5.2 (5)	94.8 (92)
11.	V3	30.5 (29)	69.5 (66)	12.4 (12)	87.6 (85)
12.	E5	87.4 (83)	12.6 (12)	84.5 (82)	15.5 (15)
13.	V4	61.1 (58)	38.9 (37)	59.8 (58)	40.2 (39)
14.	V5	41.1 (39)	58.9 (56)	28.9 (28)	71.1 (69)
15.	V6	98.9 (94)	1.1 (1)	80.4 (78)	19.6 (19)
16.	V7	69.5 (66)	30.5 (29)	40.2 (39)	59.8 (58)
17.	E6	90.5 (86)	9.5 (9)	89.7 (87)	10.3 (10)
18.	E7	100 (95)	-	97.9 (95)	2.1 (2)
19.	E8	69.5 (66)	30.5 (29)	49.5 (48)	50.5 (49)

20.	V8	50.5 (48)	49.5 (47)	48.5 (47)	51.5 (50)
21.	V9	77.9 (74)	22.1 (21)	80.4 (78)	19.6 (19)
22.	V10	57.9 (55)	42.1 (40)	44.3 (43)	55.7 (54)
23.	E9	14.7 (14)	85.3 (81)	19.6 (19)	80.4 (78)
24.	V11	17.9 (17)	82.1 (78)	13.4 (13)	86.6 (84)

Jadual 3: Perincian Peratus dan Frekuensi Tertinggi Pengamalan Teknik Hafazan al-Quran Berdasarkan Gender Murid (Lelaki, $n=95$; dan Perempuan, $n=97$)

No.	Teknik Hafazan	Kod	Peratus dan Frekuensi (n)	
			Lelaki	Perempuan
1.	Membaca dengan memahami maksud ayat	S2	48.4 (46)	71.1 (69)*
2.	Menghafaz dengan menanda ayat dibaca	E3	22.1 (21)	54.4 (44)*
3.	Menghafaz dengan mengingati kata kunci	E4	49.5 (47)	62.9 (61)*
4.	Mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat	V2	82.1 (78)*	94.8 (92)*
5.	Mengulang dengan membayangkan ayat	V3	69.5 (66)*	87.6 (85)*
6.	Mengulang sambil disemak guru (<i>tasmi'</i>)	V5	58.9 (56)*	71.1 (69)*
7.	Menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai	E9	85.3 (81)*	80.4 (78)*
8.	Mengulang bacaan secara bersendirian	V11	82.1 (78)*	86.6 (84)*

*Frekuensi >50 peratus daripada jumlah sampel mengikut kategori gender.

Hasil kajian mencadangkan bahawa murid tahfiz kategori lelaki cenderung menggunakan teknik "menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (E9)" (85.3 peratus, $n=81$). Manakala murid tahfiz kategori perempuan pula dicadangkan lebih cenderung mengamalkan teknik "mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (V2)" (94.8 peratus, $n=92$).

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian, beberapa aspek penting dikenal pasti dan diperbincangkan. Aspek pengurusan masa dan lokasi yang sesuai dijangka dapat meningkatkan potensi murid tahfiz untuk mencapai sasaran hafazan dalam tempoh pengajian mereka (Mohd Fakhrudin et al., 2018). Herwani (2022) pula mencadangkan teknik mengulang dengan melihat kembali ayat tersebut dalam proses hafazan mampu mengukuhkan ingatan hafazan mereka.

Nur Farida et al. (2021) mencadangkan bahawa pemilihan waktu yang sesuai dapat meningkatkan pencapaian hafazan menerusi aspek pengurusan masa dan tempat tanpa menyatakan kecenderungan kategori gender. Salihin Haasan et al. (2022) mencadangkan bahawa amalan menghafaz pada waktu sebelum solat subuh atau selepasnya, dan selepas solat maghrib merupakan kelaziman bagi murid tahfiz. Malah, waktu lapang juga dianggap sebagai masa yang sesuai untuk menghafaz al-Quran secara konsisten (Ikhwanuddin & Husnah, 2021). Selain itu, Nurlaili et al. (2020) mencadangkan tempat yang sunyi dan tenang dapat meningkatkan fokus untuk menghafaz al-Quran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan pola perbezaan yang signifikan antara teknik hafazan al-Quran dan pencapaian hafazan berdasarkan gender murid. Kedua-dua kategori gender murid tahfiz, lelaki dan perempuan, didapati cenderung menggunakan teknik hafazan secara memori visual. Manakala teknik hafazan secara memori episodik cenderung diamalkan oleh murid tahfiz kategori perempuan berbanding lelaki. Frekuensi teknik hafazan secara memori semantik pula didapati diamalkan secara signifikan oleh murid tahfiz kategori perempuan, berbanding tahap frekuensi pengamalan yang sangat rendah bagi kategori lelaki. Dapatan kajian ini konsisten dengan Sirin et al. (2021) yang mencadangkan bahawa hafazan al-Quran mempunyai impak positif kepada memori visual dan semantik, selain daya fokus, dan kelancaran leksikal dan semantik

individu. Namun begitu, dicadangkan murid tahfiz yang mempunyai lebih daripada satu kecenderungan dalam pengamalan teknik hafazan tertentu dijangka mempunyai pencapaian hafazan yang lebih baik (Dzulkipli et al., 2014).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan pengamalan teknik hafazan al-Quran secara memori episodik lebih cenderung kepada murid tahfiz kategori lelaki, dan memori visual bagi murid tahfiz kategori perempuan. Teknik yang dikenal pasti ialah teknik “menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (E9)” bagi murid tahfiz kategori lelaki. Manakala murid tahfiz kategori perempuan pula dicadangkan lebih cenderung mengamalkan teknik “mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (V2)”

Kedua-dua teknik ini dijangka dapat membantu pemindahan memori hafazan al-Quran sebagai memori jangka pendek kepada memori jangka panjang. Dapatan kajian ini dijangka dapat memberi implikasi signifikan terhadap institusi tahfiz di Malaysia. Mempelbagaikan gaya pengajaran dengan mengenal pasti teknik hafazan al-Quran yang berkesan dijangka dapat membantu murid tahfiz menyempurnakan hafazan dalam tempoh pengajian mereka. Gaya pengajaran guru haruslah selari dengan teknik hafazan yang diamalkan murid tahfiz supaya dapat mengelakkan konflik dalam proses hafazan. Jurang pencapaian hafazan al-Quran antara gender murid dijangka dapat diseimbangkan secara tidak langsung.

Kajian ini mencadangkan agar pendekatan eksperimental dalam menyelidik hubungan faktor dan kesan antara teknik pembelajaran akademik dan teknik hafazan al-Quran digunakan sebagai pengesyoran bagi kajian masa hadapan. Pendekatan ini dijangka dapat memberikan implikasi yang lebih signifikan dan bermakna kepada penambahbaikan proses hafazan di institusi tahfiz di Malaysia. Jamaluddin (2018) mendapati kaedah pembelajaran akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian hafazan murid. Djangka teknik pembelajaran akademik yang signifikan dapat diadaptasi kaedahnya ke dalam proses hafazan al-Quran. Selain itu, kelayakan guru tahfiz juga dicadangkan agar dijadikan sebahagian daripada variabel faktor dalam kajian masa hadapan. Variabel tersebut dijangka dapat memberi pengaruh yang signifikan terhadap tahap hafazan murid, terutama melibatkan institusi tahfiz swasta tempatan (Umar et al., 2021).

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA atas sokongan teknikal.

RUJUKAN

Buku

Bryman, A., & Cramer, D. (2012). *Quantitative data analysis with IBM SPSS 17, 18 & 19: A guide for social scientists*. Routledge.

Jurnal

Abdullah, A. A., Che Ibrahim, A. A., Abu Hasan, S., & Sabtu, M. (2021). Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran: Satu kajian di sekolah menengah/Maahad Hafiz Jeram (banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1): 80-94.

Ahmad Pital, N., & Mat Teh, K. S. M. (2018). Perbezaan jantina dalam penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1): 143-153.

Asperholm, M., Högman, N., Rafi, J., & Herlitz, A. (2019). What did you do yesterday? A meta-analysis of sex differences in episodic memory. *Psychological Bulletin*, 145(8): 785-821.

- Azman, N., & Mohd Yusoff, H. (2018). Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan: Peranan sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2): 257-287.
- Che Mat, A., Wan Adnan, W. A. S., Awang, A., & Wan Jusoh, W. N. H. (2019). Tahap amalan kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar program al-Quran IMTIAZ. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2): 45-74.
- Daud, Z., & Musa, M. A. (2021). Cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1): 77-88.
- Fakhruddin, F., Ayub, A. F. M., Hassan, N. C., Abd Mutalib, L., & Jaafar, W. M. W. (2018). Pembelajaran murid tahfiz sekolah agama kerajaan di Malaysia: Bentuk adab dan amalan murid yang dilaksanakan. *International Journal of Education*, 3(7): 18-30.
- Hashim, A. (2015). Correlation between strategy of tahfiz learning styles and students performance in Al-Qur'an memorization (hifz). *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2 S5): 85-92.
- Hashim, A., & Jemali, M. (2014). Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan al-Qur'an para pelajar. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2): 15-25.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., Jemali, M., & Che Noh, A. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1): 9-16.
- Herwani, H. (2022). Pembelajaran al-Qur'an di Singkawang Qur'an Center. *Adiba: Journal Of Education*, 2(4): 452-460.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., & Saleh, M. H. (2021). Motivasi intrinsik: Isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar USIM. *Qiraat: Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari*, 4(2): 75-83.
- Ikhwanuddin, M., & Husnah, A. (2021). Penerapan metode tiktār dalam menghafal al-Quran. *Tasyri: Jurnal Tarbiyah-Syariah-Islamiah*, 28(1): 15-29.
- Ismail, A., Tamuri, A. H., & Hassan, N. H. (2019). Pelaksanaan amalan talaqqi dan mushāfahah dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Islamiiyyat*, 41(1): 93-98.
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3): 394-400.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3): 607-610.
- Mastor Mustafa, S. N., Johan, S. A., & Safar, J. (2020). Tahap pencapaian hafazan murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sekolah menengah. *Al-Hikmah*, 12(2): 35-52.
- Mohamed Jaafar Sadiq, F. W., & Hassan, M. M. (2021). Konsep sendiri dan gaya pembelajaran terhadap motivasi akademik dalam kalangan mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2): 75-105.
- Mohd Fakhrudin, F., Che Ishak, S., Suhid, A., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Abd Mutalib, L., & Wan Jaafar, W. M. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2): 311-340.
- Mohd Nawawi, M. Z., Mohd Nor, M. A., Omar, M. R., & Muhamad, N. (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Jurnal al-Turath*, 6(1): 43-55.
- Munjin, S. (2019). Konsep asbāb al-nuzul dalam 'Ulum al-Quran. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 4(01): 65-84.
- Nasier, G. A. (2018). The effect of interest in al-Quran and Arabic language ability towards the achievement of tahfiz al-Qur'an. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, 2(2): 240-254.
- Nur Farida, R. N., Maarif, M. A., & Kartiko, A. (2021). Implementation of the Wahdah method in improving students' ability to memorize the Qur'an. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 4(3): 518-530.

- Nurlaili, N., Ritonga, M., & Mursal, M. (2020). Muroja'ah sebagai metode menghafal al-Quran: studi pada rumah tahfiz Yayasan Ar-Rahmah Nanggalo Padang. *Menara Ilmu*, 14(2): 73-82.
- Salihin Haasan, M. S., Mohd Pisol, M. I, Yahaya, M., & Abd Hamid, M. H. (2022). Pengukuhan hafazan al-Quran: Cabaran & penyelesaian: al-Quran. *Qiraat: Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari*, 5(2): 34-40.
- Sirin, S., Metin, B., & Tarhan, N. (2021). The effect of memorizing the Quran on cognitive functions. *The Journal of Neurobehavioral Sciences*, 8(1): 22-27.
- Sulaiman, S. S. B., & Kassim, A. Y. B. (2018). Pelaksanaan hafazan dalam Program Ulul Albab berdasarkan jantungina dan kumpulan. *Indonesian Journal of Learning Education and Counseling*, 1(1): 1-10.
- Umar, A., Awang, M. M., Muslim, N., Hassan, W. Z. W., & Haneefa, M. H. M. (2021). The challenges in requirements and qualification for Selangor private tahfiz educational institution teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6): 380-391.
- Wan Kamarudin, W. A. Z., Kamaruzaman, A. F., Abdul Kadir, F. K., & Mohd Fadzil, A. F. (2020). Aplikasi model hafazan al-Qur'an Ulul Albab di sekolah Imtiaz Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3): 10-33.
- Yahaya, M. B., Shafei, M. S. B., & Hussain, K. (2017). Persepsi pelajar terhadap Program Ulul Albab (tahfiz) di MRSM Ulul Albab. *Jurnal Qiraat Tahun Pertama*, 1(1): 149-159.

Persidangan

- Dzulkifli, M. A., Abdul Rahman, A. W., Badi, J. A. B., Solihu, A. K. H., & Afzal, S. (2014). *Optimizing human memory: An insight from the study of al-huffaz*. In: The 5th International Conference on Information & Communication Technology for the Muslim World (ICT4M 2014), 17-19 November 2014, Kuching, Sarawak.

Tesis

- Jamaluddin, I. Z. (2018). *Pengaruh kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek hifz al-Qur'an pelajar tahfiz di Malaysia*. Tesis PhD tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.